One last point—at page 41, there is significant reference to our dependence on Singapore for our external communication facilities. This is not an entirely satisfactory arrangement and the sooner the Federation gets out of—and I quote—"the control of the Singapore Government", the better it will be. (*Applause*).

Nik Hassan bin Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong usul yang di-bawa mengenai Ranchangan Lima Tahun Kerajaan Persekutuan ini lebih dahulu saya tertarek dengan

uchapan yang di-beri oleh Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, yang telah menerangkan dengan panjang lebar chara² dan susunan yang kelak akan di-jalankan oleh Kerajaan bagi kemajuan ra'ayat negeri ini. Dalam ucapan yang panjang itu pada akhirnya Menteri Muda itu meletakkan satu perkataan yang berupa ke'azaman Kerajaan bagi menjayakan Ranchangan Lima Tahun ini. Perkataan ke'azaman menjayakan Ranchangan Lima Tahun ini ada-lah satu perkataan yang paling mudah kira-nya hendak kita sebutkan, tetapi hendak melaksanakan kerja bagi menjayakan chita² itu ada-lah satu perkara yang paling payah dan akan menempoh berbagai² kesulitan dalam melaksanakan-nya.

Pada pandangan saya, Dato' Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang mesti kita susun kembali bagi menjayakan chita² ini. Saya memandang perkara yang pertama telah pun ada di-usahkan dalam ranchangan ini ia-itu perkara mengadakan wang yang chukup bagi menjalankan ranchangan yang bagini besar. Segala puncha hasil telah di-kumpulkan bagi menjayakan dan bagi membelanjakan segala peruntukan yang di-chadangkan itu, tetapi perkara yang kedua yang tidak di-sebutkan dalam Ranchangan Lima Tahun ini, pada pendapat saya, ia-lah perkara menyusun berbagai² undang² dan peratoran² supaya dengan ada-nya undang² dan peratoran² yang baik maka dapat-lah kita jalankan dan kita jayakan ranchangan ini. Saya ma'anakan undang² yang saya katakan dengan baik itu ia-lah umpama-nya apabila kita menjalankan Ranchangan Lima Tahun ini maka hendak-lah di-susun sa-mula dan di-ator undang² dan chara tadbiran yang kemas bagi ranchangan memperkemarkan kedudokan sharikat² berkerjasama yang ada di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini yang kebanyakannya ada-lah dudok di-luar daripada kawasan bandar.

Saya perchaya kira-nya kita adakan undang² yang paling kemas dan peratoran yang baik bagi menyusun sa-mula kedudokan sharikat kerjasama di-kampung² maka pengeluaran dan hasil pengeluaran di-kampung dan juga ekonomi kampung itu akan dapat

terkawal dengan baik dan tidak-lah akan merugikan orang² kampung itu manakala Ranchangan Lima Tahun ini berjalan kelak.

Sa-lain daripada itu sa-bagaimana kita telah dengar perkara² yang telah kita jalankan semenjak beberapa tahun yang lalu mengenai perjalanan sharikat kerjasama ini telah banyak kita membelanjakan wang bagi memberi pinjaman wang, umpama-nya pinjaman wang² kepada sharikat² di-luar bandar, tetapi wang pinjaman itu tidak dapat di-kutip dan tidak dapat di-kumpul balek sa-hingga kita terpaksa tunggu dan terpaksa menanggung kerugian dalam perkara hal yang sa-umpama ini, dengan kerana kita tidak mempunyai peratoran dan tadbiran dan undang² yang kemas serta terator. Saya beri chontoh satu kejadian berkenaan dengan sharikat kerjasama ia-itu berkenaan dengan perikanan yang mana telah banyak kita mengeluarkan wang, tetapi susunan dalam bahagian pasaran-nya belum lagi kita adakan undang² yang terator dan kemas maka ranchangan memasarkan ikan² itu tidak-lah bagitu mendapat kejayaan yang sempurna, manakala wang Kerajaan pula tidak dapat di-kumpul balek dengan sa-penoh-nya dan memuaskan hati. Perkara mengadakan undang² yang kemas dalam menyusun kembali sharikat kerjasama di-kampung itu ada-lah paling mustahak dan paling mustahak sa-kali supaya ekonomi di-kampung itu tidak akan di-bolot oleh kaum² modal daripada bandar².

Sa-lain daripada itu banyak perusahaan² yang telah di-galakkan masuk ka-dalam negeri ini dan berbagai² barang pengeluaran yang telah dapat di-keluarkan oleh modal² yang telah kita galakkan yang ada dalam negeri ini, tetapi pada pendapat saya undang² bagi mengawal di-satengah² tempat daripada barang² pengeluaran itu dan sa-tengah daripada perusahaan itu juga mustahak di-susun dan di-ator supaya dapat kita mengawal sa-tengah daripada barang² perusahaan itu dan di-keluarkan oleh modal anak negeri dan khas-nya modal penduduk² kampung itu sendiri.

Undang² bagi mengawal usaha² yang kurang baik, usaha² yang chuba hendak mengachau dan hendak merosakkan Ranchangan Lima Tahun ini juga

hendak-lah di-susun dan di-semak kerana mungkin barangkali ada gulongan yang menaruh chemburu dan menaruh perasaan yang tidak baik dengan sebab hendak merosakkan perjalanan Rancangan Lima Tahun ini. Perkara yang sa-macam ini patut-lah di-jadikan perhatian yang berat kepada Kerajaan supaya memerhatikan dengan chermatnya supaya tidak ada pehak² yang chuba mengganggu dan mengkhianati Rancangan Lima Tahun ini.

Sa-lain daripada perkara itu perkara yang mustahak juga daripada kita ia-lah kerjasama daripada ra'ayat bagi menyokong Rancangan Lima Tahun ini. Kerjasama daripada ra'ayat ini ia-lah satu perkara yang paling mustahak dalam menjalankan Rancangan Lima Tahun ini. Sa-telah kita ada wang, sa-telah kita ada undang² dan peratoran, mustahak kita adakan kerjasama dari lapisan ra'ayat. Kerjasama daripada ra'ayat ini tidak dapat kita chapai, tidak dapat kita sempurnakan sa-kira-nya tidak dapat kita mengadakan pimpinan yang baik di-segenap kampung dan cherok negeri ini. Kita berkehendakkan pimpinan yang jujur di-segenap kampung dalam negeri kita ini dan pemimpin kita ini hendak kita latehkan dan memberi latehan yang chukup supaya mereka itu dengan perasaan yang jujur dan ikhlas berkhidmat dalam kampung baik dalam apa lapangan sa-kali pun sama ada dalam lapangan perusahaan, social dan berbagai² lagi, dan dengan pimpinan yang ikhlas di-kampung itu dapat-lah mereka memandu ra'ayat dengan chara yang baik, dengan chara yang ikhlas dan akan dapat-lah kita menerima kerjasama daripada ra'ayat.

Sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Muda tadi ia-itu satu usaha akan di-jalankan bagi menghapuskan buta huruf. Pada pendapat saya ini-lah perkara yang paling mustahak bagi menjayakan rancangan ini. Kita mustahak hendakkan kerjasama daripada ra'ayat, kerjasama daripada ra'ayat akan di-dapati daripada pimpinan yang baik dan dengan pimpinan yang baik ini kita akan berusaha supaya ra'ayat sedar terhadap Kerajaan dan juga bagi memajukan kehendak² bagi kebaikan negeri ini. Dan pada

pendapat saya kira-nya kita dapat menghapuskan buta huruf dalam negeri ini dan kita dapat membangkitkan kesedaran ra'ayat dalam perkara tanggong jawab-nya di-atas perjalanan dan kemajuan negeri ini maka chita² dan ke'azaman Kerajaan bagi menjayakan Rancangan Lima Tahun ini kelak akan terchapai dan kita berharap dan berdo'a mudah²an chita² kita itu akan terchapai.

Raja Rastam Shahrome: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Saya hanya hendak menyampaikan terima kasih kepada Kerajaan, kerana telah menguntokkan wang sa-banyak \$15 juta bagi menanam kelapa sa-mula dalam negeri ini yang mana ini-lah yang pertama sa-kali Kerajaan memberi tahu kepada Dewan ini dengan rasmi peruntokan itu. Saya perchaya Kerajaan maseh menjalankan perundingan untuk mengadakan satu chara bagaimana hendak menyampaikan wang itu kepada penanam kelapa dari satu masa ka-satu masa yang mana saya ada-lah salah sa-orang ahli jawatan-kuasa-nya, dan saya harap Kerajaan akan menentukan chara-nya tidak berapa lama lagi.

Dato' J. E. S. Crawford: Mr. President, Sir, the Second Five-Year Plan is essential and the Government are to be heartily congratulated for Command Paper No. 3 of 1961 and, in particular, I think everyone in this country owes his sincere thanks to the Economic Committee of the Cabinet and the Central Working Committee, whose names are detailed, Sir, in the first page of this excellent Second Five-Year Plan.

Mr. President, Sir, I wish heartily to associate myself with my Honourable friend Dato' Thuraisingham on his excellent speech, which I entirely agree, and I think it is one of the finest I have ever heard him make. Especially, Sir, I agree with him that \$45 million out of \$2,050 million for replanting is somewhat ridiculous, because, Sir, as far as large estates are concerned, that gives a figure of 3½% against the former plan which gave us 21%. I would request the Government to reconsider further replanting aid. Thank you, Sir.

Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya menyertai ucapan Ahli² Yang Berhormat dalam perbahathan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua Kerajaan Persekutuan. Saya rasa kalau ranchangan ini dapat di-laksanakan dengan baik-nya tentu-lah banyak memberi faedah dan bantuan kepada ra'ayat negeri ini. Tetapi satu perkara yang saya perhatikan dalam Ranchangan Lima Tahun ini ia-lah keutamaan² dalam ranchangan itu ada-lah di-beri kepada negeri yang telah maju, sedang negeri² yang mundor tidak begitu sa-kali mendapat perhatian dalam ranchangan lima tahun ini. Sa-bagai contoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi, \$20 juta di-untukkan kerana menggantikan jentera keretapi itu kepada jentera diesel, padahal kalau \$20 juta ini di-gunakan untuk mengadakan satu jalan raya ka-pantai timor hingga ka-Johor tentu-lah ini akan memberi faedah kepada ra'ayat di-pantai timor; di-sabelah pantai barat telah ada mempunyai keretapi. Begitu juga pembangunan hospital, umpama-nya, di-negeri² yang mundor tidak mendapat perhatian dalam Ranchangan Lima Tahun ini, padahal ra'ayat di-negeri yang mundor itu-lah yang perlu mendapat perhatian dalam perkara ini, kerana mereka maseh mundor.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dalam ranchangan lima tahun yang pertama dalam soal kesehatan hanya dapat di-jalankan 25 peratus daripada yang di-untukkan—ini sunggoh menyedehkan, padahal kalau di-bandingkan dalam bahagian Transport—Roads dan Bridges 30 peratus telah dapat di-jalankan. Ini bererti Kerajaan tidak begitu mengambil berat dalam soal kesehatan ra'ayat di-kampong². Jadi saya harap dalam melaksanakan Ranchangan Lima Tahun yang akan datang biar-lah Kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap kesehatan ra'ayat di-kampong² itu. Maka kalau soal kesehatan tidak di-utamakan pada kawasan luar bandar bererti-lah kita tidak ada perhatian kepada keadaan ra'ayat itu atau membawa perubahan dalam kehidupan mereka itu, kerana kesehatan mereka itu tidak sa-wajar sa-bagai ra'ayat dalam negeri yang telah merdeka ini.

Dalam bahagian Pelajaran pula, Tuan Yang di-Pertua, hanya 64 peratus sahaja dapat di-laksanakan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Maka ini juga soal besar, Tuan Yang di-Pertua, kalau ra'ayat kita itu maseh tidak mempunyai pengetahuan yang chukup, kalau ra'ayat itu maseh banyak lagi buta huruf, mereka tidak dapat membaiki nasib mereka. Maka soal bagi membaiki ekonomi bergantung kuat sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, kepada pelajaran. Masaalah memajukan ra'ayat itu tidak dapat berjalan lancar, kalau mereka maseh jahil, maseh kurang pengetahuan dalam menghadapi masaalah dunia yang sedang kita hadapi hari ini. Sebagai sa-buah negeri yang merdeka, maka sa-harusnya-lah kita memberi keutamaan kepada penduduk luar bandar dalam soal pelajaran. Telah menjadi kebiasaan pada Kerajaan yang lepas memberi keutamaan persekolahan kepada penduduk dalam bandar. Maka saya harap perkara dan chara ini di-ubah pada masa yang akan datang supaya ra'ayat kampong dapat menikmati pelajaran sa-bagai mana penduduk dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang di-katakan oleh Dato' Thuraisingham tadi dalam soal ranchangan lima tahun yang kedua ini mungkin sa-bahagian besar daripada perbelanjaan yang di-gunakan dalam ranchangan lima tahun itu akan dinikmati oleh konterek² yang besar, kerana kebanyakan dari ranchangan² ini di-tujukan kepada membuat benaan² yang chantek² di-dalam bandar² yang besar, sedangkan ra'ayat yang dudok dalam kawasan² yang mundor di-kampong² tidak menerima faedah dari benaan² yang chantek² itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka sebutkan lagi ia-lah berkenaan dengan sharikat kerjasama nelayan. Saya dapati bahawa walau pun tujuan Kerajaan mengadakan sharikat kerjasama nelayan untuk pinjam-meminjam dan untuk membaiki nasib nelayan, tetapi perjalanan-nya sukar dapat di-katakan boleh memberi pertolongan kepada nelayan itu seluruh-nya, kerana sharikat ini tidak menjalankan pekerjaan itu sendiri, tetapi hanya memberi pinjaman kepada ahli

sharikat yang ada mempunyai sher dalam sharikat itu. Umpama-nya, kalau sa-orang itu masok sher \$10.00 ia boleh pinjam \$100.00 kalau sa-orang itu masok sher \$100.00 ia boleh pinjam \$1,000. Maka bagi nelayan yang mata pencharian-nya \$2.00 sa-hari mustahil mereka boleh dapat pinjam daripada sharikat ini. Sharikat ini meminjamkan kapada orang yang berada. Sa-tengah daripada orang yang berada dapat membeli motobot, sedang nelayan kebanyakan-nya tidak mempunyai apa². Maka saya rasa sistem dan chara dalam memberi dan melaksanakan sharikat ini patut-lah di-ubah dengan chara baharu supaya sharikat ini betul² memberi bantuan kapada orang yang patut di-tolong oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menggalakkan tanam²an, saya rasa kita sangat ketinggalan dalam soal itu terutama mengenai kebun buah²an dalam negeri kita ini. Saya perchaya kalau-lah tidak ada pokok buah²an saperti durian yang di-tanam oleh orang tua² kita dahulu, kita tidak akan merasai durian, kerana perhatian kapada tanaman buah²an dalam negeri kurang di-beri. Ini bukan sahaja pokok durian bahkan juga pokok langsung dan sabagai-nya. Untuk menggalakkan buah²an dalam negeri ini Kerajaan harus-lah mengadakan satu dasar yang tertentu. Buah²an yang dapat di-tanam dalam negeri ini, tidak di-tanam dengan selayak-nya.

Dalam soal nelayan pula, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan berkenaan dengan hal kemajuan yang di-dapati dalam soal kemudahan pukat baharu. Pukat yang di-gunakan itu mendapat hasil yang banyak, tetapi kapada nelayan² itu sa-benar-nya tidak mendapat keuntungan yang banyak kerana apa yang di-dapati sebahagian besar-nya di-dapati oleh orang yang punya pukat—motor boat bagi nelayan² itu. Soal kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa dengan menggunakan pukat itu penangkapan ikan ada-lah bertambah banyak, tetapi sedangkan kawasan tempat ikan itu tidak dapat di-luaskan. Maka saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah keadaan ini berpanjangan nanti, saya perchaya ikan yang dalam kawasan itu akan habis,

dan kehidupan nelayan² itu akan bertambah burok keadaan-nya. Maka ini harus-lah Kerajaan mengadakan satu penyiasatan supaya keadaan perikanan di-kawasan menangkap ikan itu diperluaskan dan supaya terjamin keadaan kehidupan nelayan² itu pada masa akan datang.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Mr. President, Sir, I have just heard the last speaker making criticism that in the health sector not enough is being done for the rural areas. Sir, I am afraid that I must strongly disagree with the Honourable Member, because, as he will see from the allocation, the rural health service has got \$40 million. Now we cannot judge the extent of service given to the rural people merely by the amount of money allocated for the simple reason that for rural health work it would be absolutely foolish to try to build expensive hospitals all over the country. The proper administration of the health service of a country should consist of certain large hospitals placed at strategic centres throughout the country. In the rural areas where the population is spread out, and not centred in certain areas, the best method would be the one we have adopted, to build health clinics, health centres and lots of midwives clinics to serve every community however remote or in whatever remote areas they may be and to give them the basic preventive service. This rural health programme of our's has been very favourably commented upon by health authorities and we have had experts in this field from the World Health Organisation and from other countries who have examined and studied our rural health programme and have commented extremely favourably on that programme. The key to the problem is the training of more staff. It does not cost very much to build health centres all over the country. As Honourable Members will have noticed, we are planning to build hundreds and hundreds of these rural health centres to serve every community.

We are also going to spend quite a sizeable sum of money on improvements to the hospitals. Now there are many

rural hospitals—District Hospitals—that have a proper curative service and a lot of money has been, and will be, spent to effect improvements to all these District Hospitals. Honourable Members are quite aware of our plans for the General Hospital in Kuala Lumpur, and I do not think any fair-minded person can say that we should not be spending this comparatively large sum of money to rebuild this obsolete, antiquated and totally unsuitable hospital in the Federal Capital. Now, in the case of these large General Hospitals, they do serve the people from the rural areas, because there is where we get the best, most modern medical service that anybody can get in any part of the world—they have the specialists and the facilities. With the efficient transport system in the country and our airlift system, anyone even from the remotest area could take advantage of the excellent service that we provide in our large hospitals in places like Alor Star, Penang, Ipoh, Batu Gajah, Taiping, Kuala Lumpur, Seremban, Malacca and Johore Bahru. I can name many more. So, Sir, I am afraid it is not fair to say that not enough is being spent in the rural areas. In fact the whole emphasis of the Government's policy in the field of health is to bring and extend the service into the rural areas. A lot of money is being spent on training and it is this staff who will go into and live in the rural areas and they have got to be properly trained in large numbers.

As regards the shortfall in spending in the First Five-Year Plan in the field of health, if the Honourable Member will read paragraph 43, on page 13, he will find that the reasons are given there for the shortfall in spending. But I can assure Honourable Members that although we are severely short of staff, the Ministry, in co-operation with the other departments in the Government, will do its utmost to see that the provision allotted to the Ministry of Health will be spent, and we shall give a better service to the people in the rural areas which is our primary objective.

Enche' A. M. Abu Bakar: Mr. President, Sir, I join many speakers who have given their bouquets to the Government,

and I am happy to hear that the Second Five-Year Plan will be financed more from an internal fund which is to be allotted for carrying on the Plan. Having seen that other countries have gone out to get foreign loans to finance their many Five-Year Plans, the decision of this Government to finance our own Plan is most welcome.

Sir, I would like to take this opportunity of saying something about the Animal Husbandry Department, which our Dato' Thuraisingham has referred to, having close connection with that Department, which has done so much in the First Five-Year Plan to bring down the dependency on imported goods of our country. He had said that for the first nine months, their importation into our country amounted to \$40 million, and that if it was broken down in relation to the figures of population, it worked out at \$5.6 per head for nine months. Had he gone back to the years 1956, 1957, 1958 and 1959, he would have seen that not only \$40 million but more than \$40 million had been imported into this country for a much smaller population. Dato' Thuraisingham, I feel, has just listened to something and stood up to say that. Opposition always is there for the Government which has done much for the betterment of this country. Had he taken some steps to go to Kluang and see the Paroi Animal Husbandry Farm, he would have seen for himself the amount of work that this Department had done to help the rural people in bringing more and healthier meat to the local market—and also in North Malaya similar work has been done.

Sir, turning now to the Transport Department, he mentioned the subject of giving licences, and taxi licences also, to the rural people, in respect of whom he is now shedding crocodile tears. I feel that as the Honourable Member had been a member of Government before the Alliance took over the reins of government; had he had that mercy for those Malays, he should have done better than what our present Minister of Transport has done for these people.

As such, I feel that those two criticisms on these Departments are unwelcome.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam

Swee): Mr. President, Sir, a little boy one day went up to his father and asked his father, "What is the difference between a politician and a statesman?" The father said, "Well, my son, a politician is a machine that wags its tongue and a statesman is a machine that holds its tongue." I have always thought that the two Chambers—the House of Representatives and the so-called Upper House here—would, perhaps to some extent, exhibit those qualities. However, my Honourable and learned friend Dato' Thuraisingham, in his anxiety to earn his lunch, tried to speak for one hour and took the opportunity to rap the Government in various aspects. It was also regrettable to note that the Honourable Dato' Crawford associated himself with Dato' Thuraisingham, and I will deal with both of them together.

Sir, Dato' Thuraisingham made reference to page 15, paragraph 48, of the Five-Year Development Plan. He has read a part of that paragraph and suggested that it refers to the pessimistic tone of the Government as far as natural rubber is concerned. If the Honourable Dato' Thuraisingham had taken the trouble to be more careful in his exploration, he would have gone on to read paragraph 49. And I must say here that in our assessment as to the long-term prospect of rubber, we are not afraid to put clearly our views. From what we gather from all these statistics and as to what we think of this prospect, we have expressed our views in paragraph 48 regarding the very big threat posed by synthetic, and also our views in paragraph 49 as to the prospect of natural rubber. Sir, I do not think the Honourable Dato' Thuraisingham was in any way justified in putting the Government in such a light as he did just now.

Sir, Dato' Thuraisingham has also said that while we are urging for diversification of our economy, we still put great emphasis on rubber and that the amount allocated for rubber replanting is insufficient. Sir, may I now refer to page 31, paragraph 99, of the Report? In case the Honourable Dato' Thuraisingham refuses to read, may I have your permission to just pronounce these few lines? Sir, paragraph 99 reads as follows:

"The present replanting programme, involving Government subsidies for part of the cost of replanting, is scheduled for completion in 1962. Present and further commitments for government grants under the present programme are estimated at about \$120 million and provision has been made in the 1961-1965 Plan"—Sir, I repeat "1961-1965" for which period we are now dealing—"for this amount. An allocation has also been made in the Plan for this amount for an additional \$45 million for continued subsidies for replanting beyond 1962. Total provision for the replanting programme during 1961-65 will therefore be \$165 million."

Sir, the Honourable Dato' Thuraisingham was off the mark by \$120 million.

Dato' E. E. C. Thuraisingham: On a point of explanation, Sir. I think the Honourable the Assistant Minister is wrong in his English. I excuse him because he is very young and because he does not know the history of replanting. (*Laughter*). We know the history of replanting, that \$120 million is for the Plan now existing, which will end in 1962, and that \$45 million is the new one. It is his English!

Enche' Cheah Theam Swee: I hope the Honourable Dato' Thuraisingham's judgment of politicians is not based on the number of white hairs one possesses! (*Laughter*). Perhaps, with due respect, I will not deal further on that aspect of it. But it does say here that the scheme goes on from 1961-1965, which is a five-year period, and this is a Five-Year Plan; and I believe this is also English.

The Honourable Dato' also referred to the question of animal husbandry and queried as to why we are not producing the eggs, the meat and the milk that are required. Sir, perhaps, I might not be an authority on this subject as to how to get the eggs, etc., but it might be well known to all that the animals that can turn grass into milk cannot thrive too well here, or that our grass might not be able to turn into milk when it is inside the animals, or for whatever reasons there may be.

The other commodity mentioned by the Honourable Dato' Thuraisingham is coffee. He asks why do we import this coffee and why are we not making use of the beautiful lowlands in the Klang District for coffee planting. Sir,

at the moment, the coffee industry—perhaps the Honourable Dato' would have noticed it—is facing a certain amount of difficulty due to the world coffee price. For example, the Honourable Dato' might know that in Brazil coffee is so excessive that it has to be burnt, and the price is so discouraging that our coffee planters have been requesting for various forms of protection and concessions as regards the market here. Further, they have been saying that they would like to revert to the planting of rubber. And I do not know how this question can be solved by a speech with which the Dato' is trying to earn his lunch. (*Laughter*). I will now leave the Honourable Dato' Thuraisingham and go on to.....

Enche' S. O. K. Ubaidulla: Dato' Crawford!

Enche' Cheah Theam Swee: As I have said, I would be dealing with them both together. I now go on to the Honourable Enche' T. H. Tan's remarks on the Tariff Advisory Committee. I believe that there are some Honourable Members who sit on the Tariff Advisory Committee and, perhaps, they might in their leisure hours enlighten the Honourable Enche' T. H. Tan as to why there are delays and the long period taken by that Committee to make decisions. However, I should also like to add a few remarks. When an applicant makes an application to the Tariff Advisory Committee, usually the Committee would request them to furnish various particulars—for example, the cost of production and the various aspects of the enterprise; and, perhaps, due to secrets of the trade and things like that, the applicant is reluctant to reveal the particulars requested. Further, the procedure adopted by the Tariff Advisory Committee normally takes some time—for example, when an applicant makes an application, the subject matter has got to be gazetted and then objectors have had to lodge objections as to whether or not they want to be heard and various other aspects. Also there is the question of getting technical and expert advice which takes some time. However, I do admit that there have been cases of delay which are taxing and in a way

the delay tends to discourage people who are very enthusiastic to invest in this country, and I give this House my assurance that we are looking into the question of delay in the Tariff Advisory Committee, and would definitely say that we can speed things up. (*Applause*).

The Assistant Minister of Education (Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, memandang daripada segi perbahathan dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua pada pagi ini dalam hal pelajaran, saya nampak hanya ada satu dua perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Satu daripada-nya ia-lah sa-orang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan keutamaan yang lebeh lagi patut-lah di-beri kepada kawasan luar bandar. Bagi menjawab-nya, saya suka mengatakan ia-itu pelajaran ada-lah sama sahaja di-beri keutamaan sama ada tempat itu di-bandar atau di-luar bandar. Di-tiap² kampung dan bandar atau di-mana² sa-kali pun kita dapati anak² yang dalam lengkungan umur persekolahan telah di-beri tempat bersekolah mulai daripada tahun, 1958. Ada pula satu rancangan baharu yang Kerajaan berchadang supaya di-jalankan di-kampung² dan juga di-kampung² yang kechil di-mana sekolah² akan di-buka bagi murid² untok belajar dalam darjah I, II dan III dan daripada situ pula murid² ini akan di-pindahkan kepada Sekolah Pusat (Regional School) di-mana mereka ini akan dapat meneruskan pelajaran mereka daripada pelajaran rendah ka-peringkat tinggi. Dengan chara ini anak kampung yang terpenchil itu juga akan berpeluang supaya bersekolah di-kampung mereka itu sendiri dengan tidak payah ka-tempat yang jauh di-mana terpaksa berjalan berbatu².

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan dalam Rancangan Lima Tahun Yang Pertama hanya 64 peratus sahaja yang dapat di-jalankan. Ini ada-lah di-sebabkan berkaitan dengan berbagai² perkara, terutama soal tanah atau tapak untok mendirikan sekolah itu ada-lah soal negeri, dan perkara yang saperti ini untok mendapat tapak sekolah daripada Kerajaan Negeri tentulah mengambil masa; dan oleh sebab

itu, ranchangan yang sa-umpama ini ada kala-nya mungkin mengambil masa yang panjang sedikit untuk mendapat kelulusan Kerajaan Negeri bagi tapak sekolah seperti itu. Bagaimana pun, sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar tadi ia-itu apabila memajukan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, perkara ini akan di-kaji dari sa-tahun ka-satahun, dan apa² perkara yang kurang, di-semak sa-mula pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada apa² perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini yang saya hendak menjawab-nya.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil peluang berchakap walau pun Menteri telah mula menjawab. Oleh kerana perkara yang saya hendak chakapkan ini sangat besar, biar-lah saya berchakap dengan sa-beberapa ringkas. Banyak perkara² yang saya pandang penting dan mustahak yang saya akan sentoh dan mengshorkan kepada Kerajaan untuk kebaikan negara kita telah di-chakapkan oleh sahabat saya seperti Yang Berhormat² Dato' Thuraisingham, Nik Hassan dan yang lain² yang mana tegoran² itu membena; saya perchaya Kerajaan akan mengambil berat atas perkara itu. Oleh kerana perkara itu telah di-chakapkan, saya tidak akan mengulangi-nya. Akan tetapi, pada 'am-nya, mengikut pandangan dan perhatian saya dalam usaha memajukan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, Kerajaan tentu-lah telah menyemak hasil daripada kejayaan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dahulu seperti beberapa keterangan yang disebutkan dalam Kertas Titah yang di-bentangkan dalam Dewan ini. Dari-pada kenyataan yang kita baca ini, keselurohan-nya kita dapati Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu sedikit sa-banyak telah mendapat kejayaan. Akan tetapi jika di-ukur daripada kesempurnaan, maka kesempurnaan itu maseh jauh daripada kesempurnaan. Dan apa yang saya nampak sa-bagai satu usaha yang di-janjikan semenjak berbelas tahun yang lalu untuk membangunkan ekonomi orang Melayu

supaya dapat seimbang dengan perkembangan ekonomi orang lain; dalam usaha Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama tidak mendapat kejayaan mengikut apa yang di-janji dan yang di-harapkan itu. Kedudukan ekonomi orang² Melayu pada 'am-nya sama seperti keadaan dahulu dan kalau dalam kenyataan² yang di-sebutkan ini menunjukkan ada beberapa perubahan dari segi ekonomi, boleh-lah saya menyatakan pendapat saya ia-itu ada satu perubahan—perubahan pada beberapa orang atau oleh kerana ada-nya pemodal² asing yang menanam modal dalam negeri kita ini. Di-pandang dari sudut ini tidak dapat kita berbangga bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu telah membawa kejayaan, jikalau kita hendak kaji pembahagian percentage mengenai standard of living—tingkatan hidup ra'ayat 'am-nya belum-lah berubah, kerana seperti yang telah saya katakan tadi kedudukan orang² Melayu tetap lemah dalam ekonomi—tidak ada perubahan, kecuali pada pemodal² asing yang menanam modal dalam negeri ini membawa keuntungan ka-negeri mereka. Dengan itu ada-lah di-harap Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, oleh kerana mengikut apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda pada masa membentangkan usul ini tadi mengatakan bahawa ranchangan ini ada-lah satu perhubungan dan dari satu masa ka-satu masa akan di-kaji dan boleh di-pinda, di-ubah pada bila² masa, dan oleh kerana itu, saya harap supaya dapat kita mengkaji mana yang boleh memberi faedah yang sa-benar²-nya. Pada keselurohan-nya kejayaan ranchangan yang beratus million ringgit ini ada-lah bergantung kepada kewangan, dan kita nampak kenyataan yang di-sebutkan dalam buku ini ada beberapa punca kewangan yang boleh menolong menjayakan Kerajaan dalam usaha Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini di-antara-nya ia-lah wang Provident Fund, dari simpanan Post Office Savings Bank, dari penanaman modal luar negeri dan yang lain-nya ia-lah daripada hasil negeri ini ia-itu seperti getah, dan pada 'am-nya dalam buku ini menyebutkan bahawa kita akan dapat berjaya dalam ranchangan ini, jikalau harga getah negeri ini akan

tetap berharga tidak kurang dari 80 sen satu paun. Jadi ini-lah perkara² yang di-sungutkan oleh beberapa Ahli dalam Dewan ini, dan jikalau sakira-nya kita tidak boleh mempunyai harapan yang benar² tentang kedudukan ekonomi kita, maka selalu-lah ranchangan² kita akan terancham. Kalau kita mahu mengatakan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama hampir gagal hingga tidak berjaya dengan kerana kekurangan wang maka Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini ada-lah juga bergantung kepada kewangan. Mengharapkan penanaman modal asing ada-lah semata² satu kesilapan dalam usaha kita untuk menjayakan ranchangan yang berfaedah, dan selain daripada itu, kita meng-harapkan pinjaman dari luar negeri serta bergantung kepada hasil getah. Bagaimana pun, saya tidak mahu mengkeritik apa², hanya mendo'akan kejayaan akan di-tetapkan, oleh kerana dalam Dewan Ra'ayat ada satu perkara yang telah di-timbulkan ia-itu sa-bagai-mana yang telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar bahawa ia tidak bertanggung jawab dengan kemajuan negeri Kelantan dan Trengganu. Perkara ini terpaksa saya ulangi bahawa Kerajaan² Kelantan dan Trengganu sepanjang yang saya tahu tidak-lah menolak Ranchangan Kemajuan Luar Bandar. Saperti yang boleh saya nyatakan dalam Dewan ini bahawa saya menyokong dengan sekuat²-nya kepada usaha Kerajaan mengadakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, maka saya perchaya bagitu-lah Kerajaan² PAS yang memerintah Kelantan dan Trengganu ada-lah menyokong usaha Kerajaan Persekutuan dan menyokong keseluruhan-nya, kechuali perkara tanah. Oleh kerana dalam Dewan ini bukan-lah tempat-nya untuk membincangkan soal perselisihan mengenai itu, maka saya tidak mahu menyebutkan apa puncha-nya perselisihan itu, tetapi saya hanya menegaskan bahawa Kerajaan² PAS itu ada-lah menyokong dengan sekuat²-nya tentang Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Kedua ini, kechuali hal² yang mengenai tanah. Kerana soal tanah sahaja telah menjadi perselisihan, maka tidak-lah menjadi satu sebab yang boleh di-pandang bahawa Kerajaan² yang di-wakili oleh PAS telah menolak

Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua oleh sebab dalam kenyataan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar tadi pun telah menerangkan bahawa ranchangan ini ada-lah satu perchubaaan dan boleh di-pinda dari satu masa ka-satu masa. Dengan yang demikian maka ranchangan yang di-jalankan oleh Kerajaan² PAS Kelantan dan Trengganu khusus-nya Kelantan mengenai perkara tanah itu ada-lah perchubaaan yang di-harapkan akan membawa kejayaan dan ini kita telah memikirkan dengan teliti di-atas segala kemungkinan sesuai dengan keadaan² tempat yang demikian itu tidak boleh menjadi satu sebab yang boleh menimbulkan perselisihan dan kekerohan di-antara dua Kerajaan yang saling di-harapkan kerjasama sepanjang masa untuk kemajuan dan kebaikan ra'ayat dalam Persekutuan Tanah Melayu seluroh-nya.

Saya mahu menyatakan di-akhir perchakapan saya ini ia-itu kalau boleh biar-lah Kerajaan menitek-beratkan semula saperti usaha membena padang kapal terbang antara bangsa di-Kuala Lumpur ini, oleh kerana membena padang kapal terbang antara bangsa di-Kuala Lumpur ini yang di-chadangkan itu akan memakan berpuluh² million ringgit, sedangkan wang berpuluh² million ringgit itu kalau di-fikirkan boleh di-gunakan untuk pembangunan luar bandar juga. Buat masa ini padang kapal terbang yang ada di-Singapura itu boleh di-gunakan, pada masa ini pun Singapura memang telah menjadi pintu masuk jikalau ada orang yang hendak masuk ka-Persekutuan ini, boleh masuk melalui pintu kita yang ta' pernah tertutup itu. Jadi buat sementara ini boleh turun di-sana, di-kechualikan mustahak sangat pada masa yang akan datang, maka wang yang berpuluh² million ringgit itu boleh di-gunakan dulu untuk pembangunan luar bandar. Saya tentu tidak akan menegor ranchangan yang telah di-jalankan, kerana pelabohan besar Port Swettenham yang sedang di-jalankan sekarang ini, oleh kerana itu sedikit sa-banyak ada-lah memberi faedah, akan tetapi sa-bagai padang kapal terbang, saya rasa wang ini dapat di-gunakan dan di-utamakan kepada

tujuan kemajuan luar bandar, bukan dalam kawasan bandar Persekutuan, begitu juga ranchangan hendak mendirikan hospital yang memakan belanja hampir 25 juta ringgit di-Kuala Lumpur ini. Saya fikir wang yang saperti itu boleh di-gunakan untuk kemajuan luar bandar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau fikiran saya ini dapat di-terima tentu-lah Kerajaan merasa saperti keterangan yang telah di-berikan oleh Menteri Muda tadi dari satu masa ka-satu masa akan di-pinda dan boleh di-ubah, maka ini ada-lah satu perkara yang patut di-fikirkan semula.

Kemudian saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya menyokong dengan kuat-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini yang mana sa-bagai satu ranchangan kebangsaan, tetapi tidak-lah sa-bagai satu ranchangan Perikatan. Atas nama ranchangan kebangsaan, maka saya menyokong dengan kuat-nya, dan saya ucapkan setinggi² tahniah kepada Kerajaan, sungguh pun kami menegor walau pun ada perselisihan tentang tanah sedikit, tetapi pada 'am-nya kita sangat² mengharapkan kejayaan pada keseluruhan-nya tentang kemajuan bagi negeri kita ini. (*Tepok*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai orang yang menyokong yang pertama tadi kepada chadangan ini maka saya rasa sangat-lah mustahak, saya juga memberi sedikit pandangan akan sebab²-nya yang saya menyokong chadangan yang di-buat oleh Menteri Ke'adilan tadi. Sa-bagaimana yang kita dengar daripada ucapan² yang telah di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat dalam persidangan ini yang walau pun ada sedikit² kritik yang di-beri, tetapi kita dapati pada keseluruhan-nya telah memberi sokongan yang kuat pada ranchangan ini dan dari itu saya perchaya insha' Allah dengan kerjasama dari segala pehak Ranchangan Lima Tahun ini akan memberi faedah yang besar, terutama sa-kali sa-bagaimana kata Penolong Menteri Kemajuan Luar Bandar tadi menghapuskan kemiskinan, menghapuskan buta huruf dan menghapuskan penyakit² di-kampung dalam tempoh lima tahun ini.

Satu perkara yang saya rasa ada beberapa perkara perchakapan yang baharu sa-kejap ini saya dengar di-anjorkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Kelantan. Sa-sungguh-nya saya rasa fikiran yang bagini ada-lah selalu di-keluarkan oleh pemimpin dari parti beliau yang kadang² menyebabkan saya sendiri tidak dapat memahami oleh kerana selalu bertukar², sa-kali ka-kanan—sa-kali ka-kiri, sa-kali ka-atas—sa-kali ka-bawah, berlainan di-antara satu statement, berlainan di-antara satu perchakapan yang lain yang di-buat oleh pembangkang dari parti beliau itu. Mithal-nya, baharu sa-kejap tadi saya dengar beliau menegaskan bahawa Kerajaan PAS Kelantan dan Trengganu ada-lah menyokong dengan kuat akan ranchangan ini dan kenyataan² atau pun perchakapan² yang mengatakan ranchangan ini tidak dapat di-jalankan di-Kelantan dan Trengganu ada-lah satu pendapat yang tidak benar, kechuali dalam bahagian tanah. Jadi ini-lah saya rasa satu perchakapan atau pun satu ucapan yang mengelirukan, yang sengaja untuk mengelirukan pandangan ra'ayat jelata, sebab sama-lah juga dengan mengatakan tidak di-terima langsung, oleh sebab saya nampak dan saya dengar sa-belum dari itu sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Yang Berhormat Enche' Da Abdul Jalil telah meminta Kerajaan memajukan ranchangan² di-luar bandar, perkara² yang dapat menaikkan ekonomi orang² kampung di-luar bandar. Apa-kah perkara² itu? Perkara² itu yang saya nampak 90 peratus daripadanya ia-lah dalam lapangan pembukaan tanah dengan segala ragam perkara² yang bersangkut-paut dengan tanah.

Maka jikalau dalam perkara tanah ini di-kechualikan daripada di-sokong oleh Kerajaan PAS di-Trengganu dan Kelantan maka bagaimana-kah permintaan², rayuan², perchakapan² itu akan dapat di-laksanakan oleh Kerajaan Pusat. Dan ini-lah yang saya nampak berlawanan dengan terang di-antara satu sama lain perchakapan yang tidak di-dasarkan kepada tanggung jawab atas tujuan parti mereka yang sa-benarnya dan baharu sa-kejap tadi Ahli Yang Berhormat dari Kelantan telah membayangkan bahawa Ranchangan Lima Tahun dahulu boleh di-katakan

tidak memberi hasil yang baik—ranchangan yang pertama dahulu kurang berjaya, tetapi saya rasa dalam menjalankan satu tugas yang maha besar untuk memajukan dan menjayakan sa-sabuah negeri itu tentu-lah berkehendakkan kepada perhubungan², pengalaman² dan pengorbanan² yang mesti di-jalankan dan saya rasa bangga bahawa Kerajaan Perikatan yang telah berjalan semenjak tahun 1955 dahulu telah berdiri tegoh walau pun tidak 100 peratus dalam serba-serbi-nya tetapi telah dapat memberi banyak kemajuan² yang boleh di-lihat dengan mata kepala sendiri—bukan kepada dua tiga orang, tetapi kepada ra'ayat sa-umum-nya termasuk-lah orang² Melayu dan termasuk-lah Tuan Yang Berhormat Senator Amaluddin yang saya perchaya jauh kedudukan ekonomi-nya, lebeh tegak daripada dua tiga tahun yang lampau. Ini ada-lah jasa ranchangan itu dan juga hasil perjuangan Perikatan yang sama² di-kechep oleh Tuan Senator PAS Yang Berhormat itu.

Saya berasa bangga bahawa Kerajaan Persekutuan—Kerajaan Pusat mempunyai sa-buah Kerajaan tetap dan sebab itu-lah ranchangan yang tegas dapat di-jalankan-nya berlainan dengan apa yang terjadi di-satu dua buah negeri yang di-kuasai oleh parti yang bukan Perikatan yang Kerajaan-nya tidak langsung dapat mengemukakan apa juga ranchangan-nya itu, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, itu sudah menyentoh kedudukan Kerajaan Kelantan dan Trengganu.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjalankan satu ranchangan yang bagus yang dapat di-laksanakan maka mesti-lah Kerajaan itu tegap dan tegoh. Mesti-lah tidak ada berlawanan, tidak ada berebut jawatan Menteri Besar, jawatan Speaker, jawatan Ketua Tanah dan lain² lagi.

Mr. President: Jangan chakap apa yang menyentoh di-sana—itu sudah terkeluar daripada perbahathan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentoh Kelantan dan Trengganu—saya hanya memberi pandangan jikalau

sa-sabuah negeri itu hendak memberi dengan terator maka mesti-lah Kerajaan itu tegak, tidak ada perbalahan, tidak ada krises

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, itu imputing improper motives.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: . . . tidak ada krises dalam sa-sabuah Kerajaan itu dan saya harap kepada Kerajaan atau pun orang² yang berharap supaya ranchangan² itu dapat di-jayakan, dan yang mengkondemkan bahawa Ranchangan Lima Tahun sa-belum itu tidak berjaya akan melihat sendiri atau di-lihat oleh Kerajaan sendiri apa yang mereka buat—hanya rebut jawatan di-antara satu sama lain.

Dalam perkara belanja pula, Tuan Yang di-Pertua, Senator Enche' Amaluddin telah memberi pandangan berkenaan dengan kekurangan wang untuk menjayakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini dan dia memberi pandangan

Enche' Amaluddin: Apabila saya berchakap tadi chara membeni. Saya bermaksud biar-lah Menteri yang berkenaan menjawab perkara itu—bukan Engku Muhsein.

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah saya tidak berhak berchakap sa-bagai Ahli Dewan ini? Saya perchaya sa-bagaimana Menteri, saya berhak memberi pandangan saya—itu-lah hak asasi "Member" di-sini. Jadi dalam memberi pandangan kesulitan mendapat wang kerana menjayakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, maka saya nampak beliau telah menegor berkenaan dengan ranchangan mengadakan Hospital sa-banyak \$25 juta dan mengadakan padang kapal terbang. Dalam perkara padang kapal terbang beliau memberi pandangan, apa-lah guna-nya di-adakan satu padang kapal terbang, pada hal padang kapal terbang di-Paya Lebar Singapura, itu sudah chukup. Tidak sampai 24 jam, Tuan Yang di-Pertua, pagi sa-malam saya mendengar Senator Enche' Amaluddin memberi pandangan berkenaan pindaan Undang² Imigreshen meminta perasingan antara Persekutuan dengan Singapura, tetapi hari ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai 24 jam, yang

merah sudah menjadi puteh, yang puteh sudah menjadi hitam. Itu-lah yang saya katakan perchakapan-nya kadang² dia sama dia berlawanan, orang itu juga hari ini esok lain; besok berlawan dengan diri sendiri—itu-lah keadaan-nya (*Tepok*).

Enche' Amaluddin: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Saya tidak bermaksud supaya saya sendiri malam berchakap lain hari ini lain, tetapi saya meminta sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda, ranchangan ini dari sa-tahun ka-satahun boleh di-pinda dan di-ubah untok kebaikan negeri ini. Saya minta Kerajaan memerhatikan mengadakan Hospital di-bandar yang berjuta ringgit itu, kalau dapat di-kaji wang itu di-gunakan terlebih dahulu. Bagitu juga padang kapal terbang itu tidak begitu mustahak, sebab kita telah ada padang kapal terbang International dan apa salah-nya kita gunakan Singapura selama kedudukan Imigreshen maseh merupakan Pan-Malayan. Tidak-lah saya mengkeritik Kerajaan sa-bagaimana yang di-jawab oleh Senator Engku Muhsein. Kalau saya mahu memulakan pertentangan, saya sudah mulakan dari tadi.

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menyentoh perkara yang di-luar daripada chadangan ini, tetapi dengan tidak saya memberi hujah lagi, itu-lah keadaan yang sa-benar yang saya nampak dan saya dengar, sa-malam lain, hari ini lain. Dalam perkara Hospital yang \$25 juta itu pula, saya rasa Hospital itu hendak di-buat di-Kuala Lumpur ini bukan untok orang Kuala Lumpur, ini ada-lah sa-buah Hospital kebangsaan di-mana segala expert dan specialist yang tertentu akan ada di-situ dan di-mana segala bilek² khas kerana penyakit² yang tertentu akan di-dirikan yang akan menjalankan kerja² untok membasmi penyakit dan untok membaiki kesehatan seluroh negeri ini. Jika hendak di-buat Hospital yang bagini mahal di-tiap² bandar sudah tentu-lah tidak akan dapat di-jalankan, dan sudah tentu-lah Hospital ini tidak di-adakan, dan jika di-buat Hospital yang kecil², yang murah di-bandar juga akan memberi satu merbahaya

kapada chara² hendak membasmi penyakit. Dan ini-lah sa-buah Hospital di-mana perhimpunan segala pakar yang tertentu akan dapat menjalankan tugas-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sahaja pandangan saya yang ala kadar (*Tepok*).

The Minister of Transport (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan pagi tadi Yang Berhormat Dato' Thuraisingham dan Enche' Abu Bakar ada menyebutkan berkenaan dengan pengangkutan. Oleh kerana dalam Ranchangan Lima Tahun ini soal membaiki dan meluaskan sistem atau susunan pengangkutan negeri ini ada-lah sangat mustahak, satu chara pengangkutan yang chekap, murah dan kokoh ada-lah mustahak bagi perkembangan ekonomi negeri kita ini, saya perchaya kita ada asas atau tapak yang kokoh untok mendirikan-nya, dan ini ada di-sebutkan dari satu masa ka-satu masa oleh pakar² pengangkutan seluroh dunia yang telah hadir messhuarat² International yang di-adakan di-Kuala Lumpur ini. Tambang pengangkutan ada-lah murah di-sebabkan oleh ada-nya perlawanan chara yang sehat di-antara berbagai² chara pengangkutan. Sa-balek-nya, Kerajaan sentiasa memerhatikan supaya kemudahan pengangkutan itu tidak terlampau berlebihan hingga menyebarkan usaha² pengangkutan itu menjadi membazir dan sia² sahaja. Tujuan Kerajaan ia-lah meluaskan kemudahan mengikut kehendak Ranchangan Lima Tahun ini, lebeh² lagi di-kawasan luar bandar dan menjaga supaya perusahaan pengangkutan negeri ini sentiasa chekap, murah dan kokoh.

Yang Berhormat Dato' Thuraisingham barangkali ingat waktu ia menjadi Ahli Meshuarat Undangan (Legislative Council) Kertas 17, telah di-luluskan, dan atas dasar Kertas 17 itu memberi keistimewaan kapada orang Melayu dalam hal perniagaan, pengangkutan, umpama-nya, jalan² baharu yang akan di-bena dalam Ranchangan Lima Tahun ini barangkali sa-ribu batu panjang-nya, maka soal jalan bas di-jalan baharu itu di-untokkan kapada sharikat² orang Melayu. Dan saya sa-bagai Menteri yang bertanggung jawab telah pun menyeru kapada orang Melayu di-kawasan² itu

supaya bersatu-padu membesarkan modal-nya, menyatukan segala tanaganya, dan jangan-lah berpecah-belah hanya mempunyai sharikat bas yang kechil², kerana ini banyak belanja dan merugikan perusahaan itu. Saya harap Yang Berhormat Dato' Thuraisingham akan memberi sokongan dan memberi chadangan yang lebih baik lagi daripada mengatakan waktu B.M.A., yang mana saya tidak bertanggung jawab, tetapi waktu ini tentu-lah kemajuan-nya ada bertambah baik.

Yang susah-nya hari ini soal meminjamkan nama yang mana saya sendiri telah mengeluarkan perintah, sa-saorang Melayu yang di-beri permit atau kebenaran kereta sewa, lori dan bas hendak-lah pembawa² kereta² itu daripada orang Melayu sendiri sa-bagai memberi kerja yang memang keistimewaan itu di-beri kepada orang Melayu.

Yang Berhormat Enche' Da Abdul Jalil menyebutkan perbelanjaan \$20 juta kerana membaiki keadaan keretapi. Ini sangat mustahak kerana mengikut masa yang di-tetapkan, perkhidmatan keretapi hendak mengurangkan belanja dan melaksanakan perjalanan-nya dengan baik. Pada peringkat yang pertama kita telah belanja berjuta ringgit kerana menukarkan kepala keretapi menggunakan wap itu kepada menggunakan diesel. Ini telah menyelamatkan berjuta ringgit tiap² tahun dan kuasa menarek gerabak itu lebih. Jadi sa-telah menengok perhubungan yang pertama itu bagus, Alham dulloillah, kita telah dapat untung, sa-hinggakan Dalam Ranchangan Lima Tahun ini di-masokkan \$20 juta untuk membeli jentera diesel kerana membaiki keadaan keretapi supaya jangan sampai rugi dan memberi kesenangan kepada orang ramai. Dan berkenaan dengan jalan keretapi supaya di-sambong ka-Kuala Trengganu, perkara ini saya sudah jawab baik di-Dewan Ra'ayat mahu pun di-Dewan ini. Soalnya bukan fasal hendak menyambong jalan ka-Kuala Trengganu, soal-nya hendak di-siasat dengan halus dari segi ekonomi, dari segi penompang². Saya dapat tahu hari ini keretapi sampai ka-Kota Bharu, keadaan perhubungan pengangkutan dari Kota Bharu pergi ka-Kuala Trengganu adalah keadaan yang baik, ada dengan bus

express dan taxi-nya, kalau kurang kita akan timbang dan tambah lagi. Jadi tidak-lah menyusahkan, bahkan saya suka menerangkan pengkalan kapal terbang yang baharu akan di-bena di-Kuala Trengganu, jadi tidak usah-lah naik keretapi, naik kapal terbang, ini lebih laju (*Tepok*) dan ini juga akan menguntungkan Malayan Airways, jadi chukup-lah buat sementara ini. Dan lagi berkenaan dengan keretapi ini kita akan adakan sebuah Pesuruhjaya; kita telah mendapat bantuan daripada Kerajaan India di-bawah Ranchangan Colombo, Kerajaan India akan menghantar 3 orang pakar yang akan menyiasat perkara² economics keretapi² (expert). Kita menunggu Surohanjaya ini yang akan memberi pengakuan sama ada keretapi itu akan di-panjang atau di-lebarkan lagi mengikut keadaan ekonomi pada masa yang akan datang. Surohanjaya ini belum sampai dan belum menyiasat lagi, jadi tidak-lah dapat saya memberi pertimbangan dalam Ranchangan Lima Tahun yang telah pun kita luluskan ini.

Berkenaan dengan pelabohan Port Swettenham, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Enche' S. O. K. Ubaidulla, ia sa-orang ahli, barangkali tuan² pun tahu berkenaan dengan pelabohan Port Swettenham, memang-lah saya sendiri mengambil berat di-atas soal ini. Sungguh pun tiga pelabohan sedang di-bena yang mana ini memakan waktu dan memakan belanja sa-banyak 43 million ringgit, saya harap ada berjalan dengan baik dan sa-belum-nya sempurna ketiga² pelabohan itu, kita akan menimbangkan, menambahkan dua tiga buah lagi, dan itu terpulang-lah kepada waktu atau masa pada tahun 1962, insha' allah kita akan timbangkan keputusan perkara itu, tetapi sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat boleh faham, kemajuan ada-lah sangat baik pada hari ini dari satu masa ka-satu masa.

Sahabat saya Ahli Yang Berhormat Enche' T. H. Tan mengatakan berkenaan dengan lapangan kapal terbang dan juga Yang Berhormat Enche' Amaluddin tadi berchakap juga sudah ada lapangan kapal terbang besar di-Singapura, sudah ada—chukup-lah, kita menompang dengan orang. Dalam

Dewan Ra'ayat memang-lah sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat kalau ta' salah Ahli dari Ipoh PPP berchakap bagitu juga. Ta' usah-lah buang banyak belanja, tetapi sa-benar-nya sa-bagai Menteri yang bertanggung jawab berkenaan dengan pengangkutan yang mana Jabatan Penerbangan Awam dibawah Kementerian saya itu, kita bertanggung jawab pada seluroh dunia kapal terbang yang besar² datang ka-mari mesti-lah mempunyai chukup alat lebar, panjang dan sempurna-nya padang kapal terbang itu. Padang yang ada ini mustahak-lah hendak di-gantikan dengan seberapa segera-nya, kerana tidak chukop panjang dan keadaan gunong di-sekaliling, dan keadaan rumah² tinggi di-sekaliling itu juga menjadikan bahaya juga, terutama sekali penerbangan kapal terbang jet dan perkembangan bandar Kuala Lumpur ini sangat-lah lekas dan kalau-lah kita tidak putus-kan soal sa-buah padang kapal terbang antara bangsa yang tertentu pada waktu ini, boleh jadi kita tidak dapat menimbangkan atau memikirkan tempat yang sempurna yang boleh sesuai mengadakan sa-buah padang kapal terbang yang lengkap, sungguh pun memakan belanja 48.2 juta ringgit, tetapi ini kalau di-timbangkan dengan belanja pengkalan kapal terbang di-negeri² lain, barangkali sangat kechil ia-itu seperti di-Hongkong yang saya telah melawat-nya, bagi melebar atau memanjangkan padang kapal terbang itu memakan belanja 10 juta paun—berma'ana 85 juta ringgit. Itu hanya memanjangkan dengan 8,600 kaki sahaja. Jadi di-sini saya berharap Ahli² Yang Berhormat akan faham ia-itu kita sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka yang hendak menarek pelanchong² terutama sekali dari Amerika Sharikat yang naik kapal terbang jet yang besar² itu tidak dapat datang ka-mari oleh kerana tidak ada padang kapal terbang yang sesuai dan sempurna. Selain daripada itu juga kita tahu hendak membelanjakan bermillion ringgit, tetapi kita juga hendak mengembangkan perniagaan, perdagangan dalam negeri kita ini dan dengan ada-nya modal luar negeri, kalau tidak ada perhubungan national yang terus daripada negeri² lain, maka ini juga

melambatkan perkembangan perniagaan negeri kita.

Dari segi ekonomi, dan segi tourism mustahak-lah perhubungan terus dengan dunia luar, kewajipan kita mempunyai sa-buah pengkalan kapal terbang international yang sangat sesuai bagi pengkalan kapal terbang antara bangsa yang baharu ini. Ta' payah-lah saya berchakap panjang lagi, dengan itu saya ucapkan berbanyak terima kaseh. (*Tepok*).

The Minister of Rural Development (Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini mengucapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli² Dewan ini kerana telah memberi sokongan yang kuat kepada Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua Kerajaan Persekutuan ini. Bagitu juga kepada Ahli² pehak pembangkang yang telah memberi sokongan juga kepada Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini, tetapi harapan saya ia-lah perkataan² yang di-keluarkan dalam Dewan ini, ini-lah juga perkataan² yang akan di-keluarkan di-luar Dewan ini, bukan-nya berlainan dengan di-sini. (*Tepok*). Saperti yang telah saya terangkan dalam Dewan Ra'ayat dan telah di-terangkan oleh Menteri Muda dalam Dewan ini bahawa Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini ia-lah satu rancangan yang besar dan berani dan akan menjadi tugas, akan menjadi chabaran kepada pehak Kerajaan dan kepada semua sekali ra'ayat negeri ini bagi melaksanakan rancangan ini. Akan tetapi bagi pehak Kerajaan ada-lah ber'azam hendak melaksanakan rancangan itu. Ini bukan-lah perchakapan yang kosong sahaja—ke'azaman yang sa-benar-nya.

Pada pagi ini saya telah beruchap kepada semua sekali Ketua² Pejabat Persekutuan berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Negara ini dan saya telah terangkan kepada mereka itu ke'azaman Kerajaan dan ke'azaman ini hendak-lah mereka semua mempunyai dengan sa-penoh²-nya, dan saya telah terangkan juga kalau-lah semangat ke'azaman itu dapat dengan apa chara science di-jadikan "liquid form" atau di-jadikan "ayer" saya akan *inject* kepada semua sekali pegawai² Kerajaan

(*Tepok*) dan kepada semua sekali yang berkaitan dengan pembangunan negara ini supaya semua bekerja dengan semangat yang penoh. Jadi ini-lah chara-nya Kerajaan berchadang hendak melaksanakan Ranchangan Pembangunan Negara Yang Kedua ini.

Rakan² saya Menteri² yang lain telah pun menjawab pandangan² yang telah di-datang oleh beberapa orang Ahli² Yang Berhormat dan saya tidak-lah hendak mengambil masa yang panjang untuk menjawab perkara² itu, akan tetapi ada dua tiga perkara yang saya suka sebutkan di-sini. My Honourable learned friend Dato' Thuraisingham.

My Honourable and learned friend Dato' Thuraisingham, I am afraid, instead of sitting back in his old age satisfied and enjoying prosperity, seems to follow the mistake that very often goes with old age—that is endeavouring to find fault with current affairs. (*Laughter*). I do not agree with him that the First Five-Year Plan did not bring spectacular changes to this country.

The First Five-Year Plan despite many difficulties, despite the Emergency and despite the world trade recession, was a great success. (*Applause*). We were able to implement most of the scheme and only 15 per cent was not implemented: and, I think, if judged from circumstances pertaining to the Emergency and the world trade recession, the Plan was a great success.

I also do not agree with the Honourable and learned Dato' that Government servants in this country lack dedication to service. I think we have a Public Service second to none in the world. (*Applause*). Our Public Service had stood the test of time, and during the period of transition from a colonial Government to an independent Government, our civil servants have done splendid work and, I think, the stability of the Government today, to some extent, is due to our Public Service (*Applause*). I have no doubt that given leadership, the civil servants will rise to the occasion. (*Applause*). I have seen it for myself that in our National Rural Development Plan the Government servants, the District Officers, the technical officers, have risen to the occasion, and I am fully satisfied that

our Rural Development Plan so far has been carried out with satisfaction. So, I think that it is only fit and proper for me here to pay my personal and very sincere tribute to all Government servants, who have taken part in this National Rural Development Programme. (*Applause*).

My Honourable friend Mr. T. H. Tan, I understand, has raised the question of television. I wish to assure him that this subject is at present under study by the Government. I do not want to anticipate the outcome of this study, but I can assure him that this matter is under investigation by Government and no doubt the result of the study will be made known very soon.

Yang Berhormat Nik Hassan ada menyebutkan berkenaan dengan undang² yang patut di-perbaiki supaya ranchangan² pembangunan ini dapat di-jalankan dengan sempurna-nya. Saya ta' faham apa dia undang² yang hendak di-perbaiki, tetapi Kerajaan telah mengambil langkah bagi memperbaiki jentera pentadbiran supaya pentadbiran negara ini berjalan dengan lichin dan dapat di-atasi dengan ranchangan pembangunan negara kita dan berkenaan dengan kerjasama daripada pihak ra'ayat jelata, saya telah terangkan bahawa mustahak jikalau ranchangan kemajuan ini mendapat kejayaan sa-penoh-nya dan ra'ayat jelata seterusnya memberi kerjasama sa-penoh-nya dengan pihak Kerajaan dan saya telah istiharkan juga dan saya harap selepas daripada sempurna-nya pekerjaan bagi mengator langkah bagi menjalankan ranchangan pembangunan negara yang kedua ini. Saya harap dapat mengistiharkan ranchangan tingkatan yang kedua dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ia-itu saya harap dapat di-istiharkan bagaimana chara-nya penduduk² di-luar bandar dan ra'ayat jelata seterusnya bagi memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan.

Saya yakin dan perchaya satu daripada perkara yang mustahak dalam hal ini ia-lah ketua² peringkat kampung kerana jikalau tidak ada anjoran yang sempurna maka tentu-lah ta' dapat ra'ayat jelata di-kampung itu memberi kerjasama yang penoh, tetapi saya ta' dapat hendak terangkan pada masa

ini bagaimana chara-nya ranchangan tingkatan yang kedua itu akan dijalankan. Saya harap ta' berapa lama lagi perkara ini akan di-istiharkan. Jadi saya fikir ini-lah sahaja perkara yang patut saya sebutkan dalam Dewan ini dan sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kaseh atas sokongan yang telah di-beri daripada semua pehak terhadap Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua Kerajaan Persekutuan dan dengan ini jikalau ranchangan ini di-persetujukan oleh Dewan ini pada kali ini maka pehak Kerajaan akan bekerja dengan seberapa daya upaya bagi melaksanakan ranchangan ini dan saya berseru sekali lagi kepada Ahli² Yang Berhormat dan seterusnya kepada ra'ayat jelata seluruh Tanah Melayu ini supaya memberi kerjasama yang penoh kepada Kerajaan bagi menjayakan ranchangan ini dan saya yakin dan perchaya kerjasama akan di-beri dengan sa-penoh-nya. Mari-lah kita bersama² melaksanakan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini dengan sempurna-nya dan memberi puas hati kepada semua gulongan ra'ayat jelata di-seluruh Tanah Melayu ini. (*Tepok*).

Mr. President: Saya kemukakan usul ini—Bahawa oleh kerana Majlis ini sangat² sedar betapa mustahak-nya di-segerakan usaha² bagi meninggikan taraf iktisad negara dan membetulkan kedudukan iktisad penduduk² bandar dan penduduk² luar bandar yang tidak sa-imbang itu dan oleh kerana Majlis ini sedar bahawa kejayaan bagi men-chapai tujuan² dan matalamat² Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ada-lah bergantung kepada kerjasama yang penoh dan bersungguh² dari ra'ayat, maka Majlis ini memperkenankan chadangan² Kerajaan hendak melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dengan tujuan²-nya, ke-utamaan² dan achara²-nya sa-bagai-mana yang di-bentangkan dalam Kertas Titah Bil. 3, tahun 1961.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House, being deeply conscious of the need to accelerate the rate of economic growth of the country and to redress the economic imbalance between the rural and the urban populations, and recognising that the attainment of the objectives and targets of the Second Five-Year Plan is dependent upon the

full co-operation and wholehearted participation of the ra'ayat, approves the proposal of the Government to implement the Second Five-Year Plan with its objectives, priorities and programmes as set out in Command Paper No. 3 of 1961.

ADJOURNMENT

(Motion)

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, I beg to move,

That the House do now adjourn.

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

ADJOURNMENT SPEECH

IMPORT DISTRIBUTION AGENCIES

Enche' Lim Hee Hong: Mr. President, Sir, with your permission, I would like to say a few words about foreign manufactures from foreign countries. Sir, I believe Honourable Members of this House will agree with me when I say that trade and commerce is the lifeline of any country in the world. And for this reason I appeal to the Government—I feel that it is its duty to do so—to protect the rights of our nationals who are engaged in trade with foreign countries, especially at this stage when we are dependent so much on other countries for our imports. I am told that of late foreign manufacturers have sent their own representatives to this country to take away the business from local agents and as a result quite a number of local men have been deprived of their rights as agents. I say that these foreign representatives should not be allowed here at all, so long as the foreign products have been and are handled with success by our local people.

Mr. President, Sir, I appeal to the Honourable the Minister of Commerce and Industry to take steps to stop manufacturers' representatives from foreign countries from engaging in the import distribution business in our local market—I mean that the import and distribution of goods are the rights of our local people. I trust that the Honourable Minister concerned will take steps early to remedy the undesirable position.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam Swee): Mr. President, Sir, I do not think any Government in any country will shirk the responsibility of protecting their lifelines. I appreciate fully the points raised by the Honourable Mr. Lim and I cannot find that I should disagree with him. Sir, the difficulty in this case is in drawing the line as to how far we can prohibit foreign manufacturers in the marketing of their own goods here when we do not restrict the importation of their products. For example, in certain lines of imports, particularly machinery and specialised equipment, it is necessary for the manufacturers themselves to send their representatives to demonstrate and to provide after-sale service. It should be borne in mind that consumers expect a high standard of service, which, in certain cases, can only be provided by the manufacturers' own specialised representatives. Sir, I might pause here for a moment to remind the Honourable Mr. Lim that the entry into this country of any individual, whether for trade, commerce and in other respects, is regulated by the Immigration Ordinance.

The Government is not convinced at this stage that there is a widespread loss of agency rights by the local people as a result of manufacturers of foreign countries sending their own representatives here to handle import and distribution. But I would like to say that in those lines of business where no specialised technical knowledge of the products, particularly in respect of consumer goods, is required, the Government would like to see foreign manufacturers employ as many local men as possible as their agents and it is expected that by mutual co-operation, goodwill and understanding, and perhaps some business good sense on the part of the manufacturers, this object of the Government can be achieved. Sir, I would, however, say that it would be useful to mention here, and without any qualification, that if co-operation in this direction is lacking, or if unreasonable or undue advantage is taken under our fairly liberal policy by foreign manufacturers, the Government will not hesitate to put things right. (*Applause*).

Adjourned at 12.30 p.m.